



PERSEPSI PELAJAR TERHADAP PELAKSANAAN KONSEP URUSNIAGA TANPA TUNAI DI POLITEKNIK SULTAN ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH (POLIMAS)

Nor Azlizah bt Saad¹ dan Nor Syuhani bt Shaari²
Jabatan Perdagangan
Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah

Abstrak: Kajian ini bertujuan untuk meninjau persepsi pelajar terhadap pelaksanaan konsep urusniaga tanpa tunai di Politeknik Sultan Abdul Halim Muadzam Shah (POLIMAS). Penekanan diberikan kepada sikap dan pengetahuan terhadap urusniaga tanpa tunai, pandangan pelajar terhadap pelaksanaan dan faktor-faktor yang boleh mendorong pelajar menggunakan urusniaga tanpa tunai ini. Seramai 200 orang pelajar POLIMAS dipilih sebagai responden. Mereka terdiri dari pelajar Jabatan Komunikasi Dan Multimedia, Kejuruteraan Awam, Kejuruteraan Mekanikal, Kejuruteraan Elektrik dan Jabatan Perdagangan yang dipilih melalui kaedah persampelan mudah purposif. Penyelidik menggunakan kajian deskriptif dan mengumpul data melalui kaedah tinjauan yang menggunakan borang soal-selidik. Hasil penemuan kajian menunjukkan kebanyakan pelajar tahu tentang konsep urusniaga tanpa tunai walaupun jarang-jarang menggunakannya. Walau bagaimanapun mereka tidak menolak seandainya konsep urusniaga ini dilaksanakan di POLIMAS dan bersedia untuk menukar kaedah pembayaran secara tunai kepada kaedah yang lebih berinovasi dan moden ini. Isu keselamatan dan privasi merupakan faktor utama yang diambil kira pelajar apabila hendak menggunakan urusniaga tanpa tunai ini. Namun faktor kemudahan dan kelebihan yang ada pada sistem ini menjadi pendorong untuk pelajar menerima pelaksanaan konsep ini sepenuhnya di POLIMAS.

Katakunci: Persepsi, penerimaan, urusniaga tanpa tunai

1.0 LATAR BELAKANG KAJIAN

Teknologi kewangan semakin mendapat perhatian dan pilihan pengguna pada hari ini, dipacu oleh penawaran dan penyediaan pelbagai perkhidmatan dan platform digital. Ini termasuklah perkhidmatan perbankan dalam talian (online-banking), pembayaran elektronik tanpa sentuh mahupun panggilan elektronik (e-hailing) dan dompet elektronik (e-wallet) di pasaran. Mod pembayaran berteknologi juga semakin diterima dalam kalangan peruncit dan institusi kewangan sekali gus membawa ke arah “Cashless Society” atau masyarakat tanpa tunai (Sobrey, 2018). Transaksi pembayaran tanpa tunai menggambarkan keadaan ekonomi di mana urus niaga kewangan tidak dijalankan dengan wang sama ada dalam bentuk wang kertas atau syiling fizikal, melainkan melalui pemindahan maklumat digital (biasanya perwakilan elektronik) antara pihak yang berurus niaga. (https://en.wikipedia.org/wiki/Cashless_society, n.d.)

Usaha memperkenalkan kaedah pembayaran sebegini adalah selaras dengan hasrat kerajaan untuk mengurangkan sebanyak 63 peratus kebergantungan transaksi pembayaran tunai menjelang 2020 (Sobrey, 2018). Bagi mengaplikasikan ekonomi digital, Bank Negara Malaysia (BNM) telah mengambil pelbagai langkah dalam meningkatkan platform e-pembayaran, sekali gus menggerakkan negara ke arah masyarakat tanpa tunai. Menurut Gabenor BNM Tan Sri Muhammad Ibrahim, teknologi pembayaran kini lebih maju, berskala dan berkos rendah, yang mana ia memberi manfaat kepada peniaga secara langsung, memandangkan kos operasi mereka dapat diturunkan menerusi Kod QR (Quick Response Code) (Bernama, 2017). Menurut beliau lagi, kebanyakan rakyat Malaysia dijangka membawa kad debit dan telefon bimbit, dan pada masa ini terdapat 45.4



juta kad debit dan langganan telefon bimbit sebanyak 42.8 juta. Justeru, masyarakat perlu memanfaatkan dan mengoptimumkan medium ini. Malah, Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad dalam satu temu ramah bersama Channel News Asia pada Jun lalu menyatakan kerajaan sedang mempertimbangkan penggantian not-not tunai atau ke arah tanpa tunai bagi menangani rasuah (Sobrey, 2018).

Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, Prof Datuk Dr Mohd Ismail Abd Aziz, turut memberi penekanan terhadap pembudayaan dan pelaksanaan “cashless society” di politeknik di mana beliau menyarankan pihak pengurusan POLIMAS melaksanakan sistem transaksi atau urusanniaga pembayaran tanpa wang dalam setiap urusan transaksi pembayaran di dalam kampus POLIMAS. Hanya gunakan kad prabayar, kad kredit, kad debit atau telefon pintar, pengguna kini boleh melakukan sebarang transaksi dan pembelian. Alternatif ini diharapkan dapat menjadikan setiap transaksi pembayaran seperti membeli makanan atau buku menjadi lebih cepat dan efisien selain dapat merekodkan setiap perbelanjaan yang dilakukan. Persoalannya adakah para pelajar telah bersedia dengan pelaksanaan sistem pembayaran tanpa tunai ini? Justeru penyelidikan ini dilakukan bagi melihat persepsi pelajar POLIMAS terhadap pelaksanaan urusanniaga tanpa tunai yang kini menjadi semakin hangat diperbincangkan di Malaysia. Kajian ini memfokuskan kepada persepsi terhadap transaksi urusanniaga tanpa tunai dari perspektif pengguna, khususnya dari sudut pandangan generasi muda. Kajian ini juga cuba meninjau pendapat pelajar-pelajar POLIMAS terhadap aktiviti urus niaga kewangan tanpa tunai mereka, pengetahuan pelajar terhadap urusanniaga tanpa tunai dan faktor-faktor yang boleh mendorong pelajar menggunakan sistem tanpa tunai ini.

1.1 Pernyataan Masalah

Terdapat pelbagai instrumen pembayaran digital, antaranya adalah dompet elektronik, perbankan internet, pindahan dana elektronik, sistem tunai elektronik dan sistem simpanan nilai dalam talian. Namun begitu, kaedah pembayaran melalui QR masih kelihatan asing di negara ini. Walau bagaimanapun di bandar-bandar besar dalam negara, kaedah itu telah mula diperkenalkan melalui pengenalan aplikasi seperti TaPay dan Alipay (Nabila Yazib, 2018). Bagi generasi Y, mereka mungkin tidak menghadapi masalah dalam mengendalikan teknologi. Senario ini mungkin boleh menjadi pemangkin kepada pelaksanaan urusanniaga tanpa tunai di POLIMAS kerana rata-rata pelajar merupakan kelompok generasi Y ini yang kebanyakannya memiliki telefon pintar dan capaian internet. Persoalannya adakah mereka benar-benar bersedia untuk menerima pelaksanaan sistem urusanniaga tanpa tunai dalam kesemua aktiviti pembelian mereka di POLIMAS? Justeru penyelidikan ingin meninjau persepsi pelajar terhadap urusanniaga tanpa tunai ini.

Lebih ramai rakyat Malaysia kini memilih untuk menggunakan pembayaran elektronik dan semakin kurang bergantung kepada wang tunai. Menurut kaji selidik Sikap Pembayaran Pengguna Visa 2016 di Malaysia, 74 peratus rakyat Malaysia kini lebih gemar untuk membuat pembayaran elektronik berbanding wang tunai, meningkat sebanyak lapan peratus berbanding tahun sebelumnya (Ishak, 2017). Kaji selidik tersebut dikendalikan Toluna ke atas 500 rakyat Malaysia untuk mendapat pemahaman dan menilai sikap mereka terhadap penggunaan wang tunai dan kad, perbankan mudah alih, pembayaran tanpa sentuh dan beli-belah dalam talian. Pengurus Negara,



Visa Malaysia, Ng Kong Boon berkata, berdasarkan kaji selidik tersebut, 49 peratus daripada mereka yang ditemu ramah menyatakan bahawa mereka kini mempunyai lebih banyak kad pembayaran dalam dompet berbanding lima tahun yang dahulu (Ishak, 2017). Ini menyebabkan penyelidik ingin meneroka sikap dan pengetahuan pelajar terhadap urusan tanpa tunai ini sekiranya ia diaplikasikan dalam semua transaksi jual-beli mereka di POLIMAS seperti di kantin mahupun di koperasi. Selain itu kajian ini juga dijalankan bagi mengenalpasti faktor-faktor dorongan di sebalik kegunaan urusan tanpa tunai dalam usaha untuk memahami persepsi pelajar terhadap kaedah pembayaran sebegini. Antara faktor yang dikaji ialah seperti keselamatan dan privasi serta kemudahan urusan tanpa tunai.

Untuk itu penyelidik telah menggariskan 3 objektif utama kajian seperti berikut:

- Untuk meninjau sikap dan pengetahuan pelajar terhadap urusan tanpa tunai.
- Untuk meninjau persepsi pelajar POLIMAS terhadap pelaksanaan konsep urusan tanpa tunai.
- Untuk mengenalpasti faktor-faktor yang boleh mendorong pelajar menggunakan urusan tanpa tunai

2.0 SOROTAN KAJIAN

Masyarakat tanpa tunai bermaksud suatu masyarakat di mana kesemua urusan pembelian barangan dan perkhidmatan dilakukan melalui kad kredit atau pemindahan dana elektronik dan bukannya dengan wang tunai atau cek. Pembayaran tanpa tunai pula adalah satu sistem bayaran atau urusan yang dikendalikan atau dilaksanakan tanpa melibatkan penggunaan syiling atau wang kertas untuk transaksi wang, sebaliknya menggunakan kad bank atau pemindahan dana elektronik yang dikenali sebagai transaksi tanpa tunai. Pembayaran tanpa tunai mempunyai pelbagai kebaikan kepada pengguna kerana ia dianggap mudah dan cepat. Bersetuju dengan kenyataan ini Wulandary et al (2016) dalam kajiannya mendapati faedah menggunakan urusan tanpa tunai sangat besar kerana ia akan meninggalkan kecekapan dalam sesuatu transaksi di samping memudahkan urusan harian terutamanya jika ianya disokong oleh keselamatan sesuatu transaksi dan data individu serta bilangan peniaga yang mahu menerima penggunaan kad debit, kredit atau yang seangkatan. Zuzana Nemcova dan Jiri Dvorak (2013) juga mendedahkan bahawa pengguna mendedahkan bahawa pengguna lebih berminat dengan kaedah pembayaran tanpa tunai kerana ia memberikan pengalaman membeli-belah yang lebih baik. Faktor-faktor yang disukai termasuk perkhidmatan yang lebih cepat, cekap dan pengguna tidak perlu menghabiskan masa untuk beratur. Sejak sistem urusan tanpa tunai semakin berkembang, cara pembayaran yang lebih mudah dikatakan telah menggalakkan tingkah laku pembelian pengguna (Elizabeth Davies, 2017) Beberapa kajian telah mengenal pasti bahawa kemajuan teknologi mempunyai peranan dalam berkembangnya masyarakat tanpa tunai pada masa akan datang. Salah satunya adalah kajian oleh Tee dan Ong (2016) yang mengatakan bahawa perkembangan pembayaran tanpa tunai didorong oleh evolusi teknologi maklumat. Pandangan ini juga dipersetujui oleh Oginni et al. (2013) yang menunjukkan inovasi teknologi telah mengubah perspektif sistem pembayaran dan menunjukkan bahawa pengguna sekarang telah beralih ke arah dunia elektronik. Ada kaedah pembayaran baru dan bertambah baik setiap tahun diperkenalkan. Semua peniaga bersaing untuk mencipta kaedah



terkini dan yang lebih berinovasi serta mudah untuk pengguna membeli barangan atau perkhidmatan.

Sebaliknya, Nuwagaba (2014) percaya bahawa masyarakat tanpa tunai adalah yang paling sukar dicapai jika sesebuah negara tidak mempunyai rangkaian komunikasi yang boleh dipercayai, bersama-sama dengan masalah rakyat yang tidak menggemari transaksi elektronik. Ini disokong Tee dan Ong (2016) bahawa kompromi maklumat peribadi boleh melemahkan keyakinan pengguna untuk melakukan pembayaran secara elektronik. “Risiko kecurian identiti amat tinggi memandangkan pengguna masih belum dapat menyesuaikan diri sepenuhnya dengan urus niaga digital, malahan mereka yang berpendidikan tinggi juga menghadapi risiko jatuh ke dalam perangkap penipuan siber dan penggodaman ini” kata Nagpal, CEO Outlook Asia Capital (Riju, 2016). Menurut Jayant Pai, Ketua Pemasaran PPFAS Mutual Fund, “Jika dicuri, adalah mudah untuk blok kad kredit atau dompet elektronik, tetapi mustahil untuk mendapatkan semula tunai yang dicuri tersebut. Ini membuktikan bahawa urusniaga tanpa tunai ini menawarkan sekuriti yang amat terhad. Senario ini sangat benar sewaktu kita sedang mengembara ke luar negara di mana kehilangan tunai boleh menyebabkan kesukaran melainkan pada masa hadapan sistem yang lebih selamat digunakan seperti pengimbas jari atau mata yang menjadika kad sukar ditiru mungkin ianya lebih selamat.(Riju, 2016)

Walaupun terdapat kebimbangan mengenai keselamatan siber tetapi pembayaran tanpa tunai secara perlahan-lahan semakin mendapat tempat kerana orang ramai berasa selamat berbanding kaedah pembayaran konvensional yang lain. Golongan berumur juga sudah mula menyedari kelebihan urusniaga tanpa tunai ini berbanding yang melibatkan wang tunai. Sistem urus niaga tanpa tunai semakin berkembang, sebaik sahaja pasaran menjadi globalisasi dan pertumbuhan sektor perbankan semakin banyak orang bergerak dari sistem tunai ke sistem tanpa tunai. Sistem tanpa tunai bukan sahaja suatu keperluan tetapi juga keperluan masyarakat hari ini. Semua pasaran dalam talian pada dasarnya bergantung kepada sistem transaksi tanpa tunai. Peralihan tanpa tunai bukan sahaja selamat daripada urus niaga tunai tetapi kurang memakan masa dan menyelesaikan masalah membawa tunai dan masalah wang kertas yang mudah haus dan lusuh. Ia juga membantu dalam merekod semua transaksi yang dilakukan. Oleh itu, tidak syak lagi bahawa sistem transaksi masa depan adalah sistem transaksi tanpa tunai. (Kumar, 2015)

3.0 METODOLOGI KAJIAN

Sebanyak 200 orang pelajar POLIMAS telah dipilih sebagai responden melalui persampelan rawak mudah. Penyelidik menggunakan kaedah penetapan saiz sampel berdasarkan pendekatan konvensional iaitu purata saiz sampel berdasarkan kajian-kajian terdahulu. (Malhotra, 2011) Responden terdiri daripada pelajar-pelajar Jabatan Komunikasi Dan Multimedia, Kejuruteraan Awam, Kejuruteraan Mekanikal, Kejuruteraan Elektronik dan Jabatan Perdagangan yang dipilih secara rawak bagi mewakili setiap jabatan akademik. Kaedah penyelidikan yang digunakan dalam kajian ialah deskriptif iaitu suatu kajian yang bertujuan untuk menerangkan sesuatu fenomena yang sedang berlaku. Kaedah pengumpulan data primer yang digunakan ialah kaedah tinjauan. Untuk itu penyelidikan telah mereka bentuk borang soal-selidik yang mengandungi sejumlah 35 buah soalan yang berkaitan objektif kajian. Prosedur Cronbach’ Alpha coefficient di gunakan untuk mengukur

darjah kebolehppercayaan instrumen, dan nilai skala yang di perolehi adalah 0.89. Ini menunjukkan tahap kesesuaian item-item di dalam borang soal-selidik ini adalah baik. Penyelidik turut menggunakan data sekunder sebagai bahan rujukan seperti jurnal, artikel dan buku rujukan. Data-data dan maklumat yang dikumpul daripada soal selidik dalam kajian ini akan dianalisis secara kuantitatif menggunakan program SPSS version 21. Jenis ujian statistik yang digunakan untuk mengukur persepsi responden ialah analisis deskriptif iaitu kekerapan (mod), purata (mean) dan sisihan piawai.

4.0 ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Bahagian A: Demografik responden

Jadual 1:-Ringkasan Taburan Demografik Responden.

			Kekerapan (orang)	Peratus (%)
1.	Jantina	Lelaki	82	41
		Perempuan	118	59
		Jumlah	200	100
2.	Jabatan	Jabatan Kejuruteraan Awam (JKA)	25	12.5
		Jabatan Kejuruteraan Elektrik (JKE)	52	26
		Jabatan Kejuruteraan Mekanikal (JKM)	23	11.5
		Jabatan Teknologi Maklumat & Komunikasi (JTMK)	18	9
		Jabatan Perdagangan (JP)	82	41
		Jumlah	200	100

Berdasarkan jadual di atas pelajar lelaki yang terlibat sebagai responden dalam kajian ini adalah seramai 82 orang (41.0%) dan pelajar perempuan adalah pula seramai 118 orang (59.0%). Daripada 200 orang pelajar yang terlibat sejumlah 25 orang (12.5%) adalah dari JKA, 52 orang (26.0%) dari JKE, 23 orang (11.5%) dari JKM, 18 orang (9.0%) adalah dari JTMK dan selebihnya seramai 82 orang (41.0%) dari JP.

Bahagian B: Sikap dan pengetahuan pelajar terhadap urusan tanpa tunai

Analisis seterusnya berkaitan dengan sikap dan pengetahuan pelajar terhadap konsep urusan tanpa tunai. Rata-rata pelajar pernah mendengar (59.5%) dan memahami konsep (53.5%) urusan tanpa tunai namun mereka jarang menggunakan urusan tersebut. Ini boleh dilihat dari peratusan yang sering guna hanya 49.3% sahaja. Hasil kajian juga mendapati bahawa kebanyakan pelajar lebih suka menggunakan tunai dalam membayar barangan keperluan harian seperti bil-bil. Ini ditunjukkan dengan bilangan peratusan persetujuan yang tinggi untuk item 4, 5 dan 8 dalam Jadual 2 di atas. Mereka hanya memerlukan urusan tanpa tunai ketika membeli-belah secara atas talian sahaja di mana peratusan setuju adalah sebanyak 73%. Ia bertentangan dengan pandangan Miliani et al. (2013) yang mendapati bahawa faktor utama yang mempengaruhi tingkah laku penggunaan e-wang pelanggan adalah manfaat utama pelanggan. Walaupun wujud risiko dan pertimbangan

keselamatan ianya tidak mengurangkan atau menjejaskan niat pengguna untuk menerima pakai sistem elektronik ini (Wulandari et al, 2016).

Jadual 2: Sikap dan pengetahuan pelajar terhadap urusniaga tanpa tunai

		Peratusan Setuju	Purata	Sisihan Piawai
1.	Saya pernah mendengar tentang urusniaga tanpa tunai.	59.5	2.56	.922
2.	Saya memahami konsep urusniaga tanpa tunai.	53.5	2.51	.897
3.	Saya sering menggunakan urusniaga tanpa tunai.	49.3	2.41	.789
4.	Saya lebih gemar berbelanja menggunakan wang tunai.	74.5	2.96	.852
5.	Saya sering melakukan urusan pembayaran bil menggunakan wang tunai.	84.5	3.06	.655
6.	Saya lebih suka membeli-belah secara dalam talian berbanding menggunakan wang tunai.	73	2.91	.787
7.	Saya suka melakukan pembelian sekiranya ditawarkan pelbagai kaedah pembayaran tanpa tunai.	81.5	2.97	.683
8.	Saya masih selesa dengan penggunaan wang tunai untuk urusan pembayaran bil-bil.	78	2.96	.801
	PURATA	69.2%	2.79	.798

Bahagian C: Persepsi pelajar terhadap urusniaga tanpa tunai.

Analisis seterusnya berkaitan dengan persepsi pelajar terhadap urusniaga tanpa tunai. Nilai purata keseluruhan yang diperolehi ialah 2.84 iaitu bersetuju dengan setiap item yang dibina untuk mengukur persepsi pelajar terhadap urusniaga tanpa tunai dan dengan sisihan piawai .847. Skor tertinggi ialah pada item 9 dengan peratusan setuju 83% dan nilai purata 3.08 iaitu setuju, diikuti dengan item 4,6 dan 11 dengan peratusan setuju sebanyak 82.6% dan nilai purata 3.07. Skor terendah ditunjukkan oleh item 7 dan 1 dengan masing-masing peratusan sebanyak 53.5% dan 56%.

Walau bagaimanapun majoriti pelajar menyokong sepenuhnya pelaksanaan sistem ini dalam semua aktiviti jual-beli di POLIMAS dengan peratusan setuju 75.5% dan purata 3.03. Namun kebimbangan jika data privasi jatuh ke tangan pihak yang tidak bertanggungjawab menyebabkan mereka kurang gemar melakukan urusniaga tanpa tunai yang ditunjukkan dengan peratusan responden yang bersetuju dengan kenyataan ini sebanyak 77.5% dan purata 2.92. 82.6% responden juga kurang gemar menggunakan urusniaga tanpa tunai kerana bimbang akan penggodaman yang mungkin terjadi.

Jadual 3: Persepsi Pelajar Terhadap Urusniaga Tanpa Tunai.

		Peratusan Setuju	Purata	Sisihan Piawai
1.	Konsep urusniaga tanpa tunai sering menyebabkan saya boros dalam berbelanja.	56	2.55	.939
2.	Konsep urusniaga tanpa tunai menyebabkan saya mudah terjebak dengan hutang.	60.5	2.61	.873
3.	Urusniaga tanpa tunai akan membantu saya membeli barang keperluan di politeknik.	56	2.55	.939
4.	Saya perlu mendapat pendedahan yang lebih terhadap konsep urusniaga tanpa tunai	82.6	3.07	.808
5.	Saya merasakan konsep ini tidak sesuai dilaksanakan dengan keadaan ekonomi masa kini.	60.5	2.67	.998
6.	Saya kurang gemar menggunakan urusniaga tanpa tunai kerana bimbang akan penggodaman yang mungkin terjadi.	82.6	3.07	.808
7.	Saya berpendapat urusniaga tanpa tunai menjadikan pengalaman beli-belah saya lebih menarik.	53.5	2.51	.897
8.	Saya kurang gemar melakukan urusniaga tanpa tunai kerana bimbang data privasi jatuh ke tangan pihak yang tidak bertanggungjawab.	77.5	2.92	.817
9.	Saya akan menukar cara bayaran selepas sistem urusniaga tanpa tunai ini diperkenalkan di POLIMAS	83	3.08	.772
10.	Saya berasa sudah tiba masanya urusniaga tanpa tunai dilaksanakan di POLIMAS sepenuhnya.	77.5	2.92	.817
11.	Saya tahu akan kelebihan yang terdapat dalam urusniaga tanpa tunai.	82.6	3.07	.808
12.	Saya tahu akan risiko yang dihadapi apabila memilih untuk menggunakan urusniaga tanpa tunai.	77.5	2.9	.680
13.	Saya menyokong sepenuhnya pelaksanaan sistem ini dalam semua aktiviti jual-beli di POLIMAS.	75.5	3.03	.862
	PURATA	71%	2.84	.847

BAHAGIAN D: Persepsi pelajar terhadap faktor-faktor yang boleh mendorong pelajar menggunakan urusniaga tanpa tunai.

Jadual 4 memaparkan persepsi pelajar terhadap faktor keselamatan dan privasi yang boleh mendorong pelajar untuk menggunakan urusniaga tanpa tunai. Faktor ini juga mendapat skor purata 2.93 iaitu setuju dengan nilai sisihan piawai .767. Jika dilihat dalam jadual di atas lebih majoriti pelajar bersetuju dengan setiap item yang dinyatakan berkaitan keselamatan dan privasi. Peratusan setuju tertinggi ialah item 1 dan 5 yang mana masing-masing menunjukkan skor 83.5% dan 80.5% dan nilai purata 3.16 dan 3.07 iaitu setuju. Item 1 menunjukkan majoriti pelajar bersetuju bahawa faktor keselamatan dan privasi adalah isu utama yang mereka pertimbangkan ketika memilih kaedah pembayaran. Item 5 pula menunjukkan majoriti pelajar mahu memastikan maklumat privasi mereka disimpan secara selamat dan sulit jika menggunakan urusniaga tanpa tunai. Nilai sisihan piawai juga menunjukkan sebaran skor dalam taburan adalah kecil kerana jawapan yang diberikan responden berhampiran antara satu sama lain. Boleh disimpulkan di sini

bahawa majoriti responden menjadikan faktor keselamatan dan privasi sebagai isu utama dalam memilih urusan tanpa tunai ini.

Jadual 4: Faktor keselamatan dan privasi

	FAKTOR KESELAMATAN DAN PRIVASI	Peratusan Setuju	Purata	Sisihan Piawai
1.	Keselamatan dan privasi adalah isu utama yang saya pertimbangkan ketika memilih kaedah pembayaran.	83.5	3.16	.790
2.	Saya berasa tidak selamat jika membawa wang tunai yang banyak ke mana sahaja saya pergi.	74.5	2.91	.731
3.	Saya berasa selesa tidak membawa wang tunai bersama saya.	66	2.81	.819
4.	Urusniaga tanpa tunai menjamin keselamatan saya dalam melakukan transaksi kewangan.	76	2.91	.696
5.	Saya perlu memastikan maklumat privasi saya disimpan secara selamat dan sulit.	80.5	3.07	.783
6.	Urusniaga tanpa tunai lebih menjamin keselamatan kewangan saya.	66.5	2.72	.784
	PURATA	74.5%	2.93	.767

Jadual 4: Faktor kemudahan urus niaga kewangan

	FAKTOR KEMUDAHAN URUS NIAGA KEWANGAN	Peratusan Setuju	Purata	Sisihan Piawai
1.	Urusniaga tanpa tunai memudahkan aktiviti jual-beli harian saya.	71.5	2.83	.731
2.	Kewangan saya lebih teratur dengan penggunaan sistem ini.	77.5	2.9	.680
3.	Ia menjimatkan masa saya dalam melakukan transaksi jual beli.	79	2.97	.743
4.	Saya berasa sistem ini merupakan alternatif yang paling sesuai bagi menggantikan penggunaan wang tunai.	82.5	3.03	.690
5.	Saya percaya urusan tanpa tunai ini amat memudahkan transaksi jual-beli saya.	68.5	2.78	.803
6.	Saya tidak lagi perlu beratur panjang untuk membayar.	77.5	2.9	.680
	PURATA	76%	2.9	.721

Jadual 4 pula menunjukkan bagaimana faktor kemudahan urus niaga kewangan yang mendorong pelajar menggunakan urusan tanpa tunai di mana skor purata purata yang diperolehi ialah 2.9 yang menunjukkan responden setuju dengan purata sisihan piawai .721. Majoriti responden turut bersetuju dengan setiap item yang dinyatakan di atas (dengan purata peratusan setuju 76%) di mana skor peratusan tertinggi adalah pada item 4 iaitu pelajar merasakan sistem ini merupakan alternatif yang paling sesuai bagi menggantikan penggunaan wang tunai dengan nilai peratusan setuju 82.5% dan nilai purata 3.03 iaitu setuju.



5.0 KESIMPULAN

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa masyarakat lebih banyak menggunakan kaedah pembayaran tanpa tunai daripada penggunaan pembayaran berasaskan tunai, walaubagaimanapun telah muncul tanda-tanda yang jelas bahawa kaedah ini akan mengambil alih sepenuhnya dan mengurangkan penggunaan wang tunai sama sekali. Dapatan ini selari dengan (Elizabeth Davies, 2017) di mana penemuan yang dikaitkan dengan objektif pertama dalam kajian menunjukkan bahawa pelajar pernah mendengar dan memahami konsep urusanniaga tanpa tunai, namun mereka masih selesa, gemar dan sering menggunakan wang tunai dalam urusan pembayaran bil. Cuma dalam aktiviti membeli-belah pelajar lebih suka melakukannya secara atas talian dan tidak melibatkan wang tunai. Objektif kajian yang ke dua pula cuba meninjau persepsi pelajar terhadap urusanniaga tanpa tunai ini. Hasil kajian menemukan bahawa rata-rata pelajar berpendapat urusanniaga tanpa tunai ini boleh menyebabkan mereka boros dalam berbelanja, mudah terjebak dengan hutang, jerat penggoda dan kemungkinan berlakunya kecurian maklumat privasi oleh pihak tidak bertanggungjawab. Ini menjadi isu utama penggunaan pembayaran tanpa tunai.

Namun mereka tidak menolak seandainya POLIMAS melaksanakan konsep urusanniaga tanpa tunai dalam semua urusan jual-beli malahan mereka menyokong sepenuhnya konsep ini dan bersedia untuk menukar kaedah sedia ada kepada konsep yang lebih moden ini. Ini kerana mereka berpendapat urusanniaga ini menjadikan pengalaman beli-belah lebih menarik. Pelajar juga mengetahui tentang kelebihan dan risiko urusanniaga tanpa tunai. Apa yang pelajar perlu ialah pendedahan dan pengetahuan yang lengkap tentang konsep urusanniaga tanpa tunai. Menurut Timbalan Dekan Fakulti Ekologi Manusia Universiti Putra Malaysia, Prof. Madya Mohamad Fazli Sabri, dalam usaha negara mengikuti perubahan teknologi pembayaran dan ekonomi digital, penyediaan kemudahan serta pendidikan pengguna harus dipertingkatkan. Masyarakat perlu didedahkan dan dididik tentang ilmu digital serta bahayanya seperti penipuan dan serangan siber, selain pengurusan wang yang baik memandangkan teknologi pembayaran berteknologi ini juga memberi kelebihan dalam mengawasi dana yang ada. (Sobrey, 2018)

Penemuan yang dikaitkan dengan objektif terakhir ialah berkaitan persepsi terhadap faktor yang boleh mendorong pelajar menggunakan urusanniaga tanpa tunai. Faktor yang paling mendorong ialah dari segi kemudahan. Majoriti pelajar berpendapat urusanniaga tanpa tunai ini sangat menjimatkan masa dan memudahkan transaksi jual-beli kerana mereka tidak perlu lagi untuk beratur panjang untuk satu-satu pembayaran. Faktor yang turut menjadi pendorong penerimaan pelajar terhadap pelaksanaan konsep urusanniaga tanpa tunai ialah keselamatan dan privasi dan ianya menjadi isu utama yang mereka pertimbangkan ketika hendak memilih kaedah pembayaran. Pelajar berpendapat mereka berasa kurang selamat dan selesa membawa wang tunai ke mana sahaja mereka pergi. Justeru pelajar lebih memilih untuk melakukan urusanniaga tanpa tunai kerana ianya lebih menjamin keselamatan kewangan mereka. Dalam masa yang sama para pelajar ini mahukan supaya maklumat privasi mereka disimpan secara selamat dan sulit oleh pihak yang terlibat.

Kesimpulannya pelajar menerima baik cadangan pelaksanaan konsep urusanniaga tanpa tunai di POLIMAS namun dalam masa yang sama mereka perlu diberi pendedahan tentang cara penggunaan dan risiko yang mungkin dihadapi di kemudian hari jika pelajar lalai dalam



menguruskan data privasi mereka. Pihak pengurusan POLIMAS juga disarankan supaya penggunaan sistem wang tunai dikekalkan bagi jumlah bayaran yang kecil untuk kemudahan dan kesenangan semua pihak melakukan urusan harian. Bagi pelajar yang merupakan generasi Y, mereka mungkin tidak menghadapi masalah dalam mengendalikan teknologi, namun bagaimana pula bagi golongan berusia dan yang tinggal di luar bandar? Justeru di cadangkan penyelidik di masa hadapan memberi tumpuan kepada golongan ini. Selain itu disarankan juga untuk mengkaji faktor-faktor lain yang mendorong seperti kepesatan dan kemudahan teknologi serta capaian internet di sesuatu kawasan.

RUJUKAN

- Azib, N. Y. (2018, Februari 22). *Gelombang transaksi tanpa wang tunai*. Utusan Online. Retrieved from <http://www.utusan.com.my/bisnes/ekonomi/gelombang-transaksi-tanpa-wang-tunai-1.613793>
- Bernama. (2017, Disember 8). *Malaysia bergerak ke arah masyarakat tanpa tunai*. Retrieved from Sinar Online: <http://www.sinarharian.com.my/nasional/malaysia-bergerak-ke-arrah-masyarakat-tanpa-tunai-1.767929>
- Dewi wulandary, T. S. (2016, Vol. 3, No. 1). Analysis of the Use of Electronic Money in Efforts to Support the Less Cash Society. *International Finance and Banking* ISSN 2374-2089, 7.
- Ishak, N. A. (2017, Mei 1). *Ramai memilih pembayaran elektronik berbanding tunai*. Sinar Online.
- Jashim Khan (2011) *Cash or Card: Consumer Perceptions of Payment Modes*. Tuwhera Open Thesis and Dissertations <http://aut.researchgateway.ac.nz/handle/10292/3937>
- Malhotra, N. K. (2011). *Basic Marketing Research*. New Jersey: Pearson.
- Zuzana Nemcova dan Jiri Dvorak (2013). *Technology payment Cards Communication with Banking Institutions in the Filed of Cashless Payment*. Scientific Papers of the University of Pardubice, 116-128.
- Nuwagaba, A (2014) "Reality of Having a Cashless Society in Rwanda: Case Study-National Bank of Rwanda" *International Journal of Business and Management Invention*. 3(3) pp.,63-69.
- Oginni, O. El-Maude, G. Mohammed, A. Michael, O. (2013) "Electronic Payment System and Economic Growth: A Review of Transition to Cashless Economy in Nigeria" *International Journal of Scientific Engineering and Technology*. 2(9) pp., 913-918.
- Piyush Kumar (2015) "An Analysis of Growth Pattern Of Cashless Transaction System" *International Journal of Research In Business Management*. 3(9) pp., 37-44.



Riju, D. (2016, Disember 12). Here are the advantages of cashless payments and the pitfalls you should beware of. Retrieved from The Economic Times Bureau: <https://economictimes.indiatimes.com/wealth/spend/going-cashless-is-it-good-for-you/articleshow/55908649.cms>

Sobrey, J. A. (2018, Julai 14). Gelombang Sistem Bayaran Tanpa Tunai. *Kosmo Online Jurnal*.
Tee, H. & Ong, H. (2016) “Cashless payment and economic growth” *Financial Innovation*, 2(1) pp.,1-9.https://en.wikipedia.org/wiki/Cashless_society.